

**MODEL PENGUKURAN BUDAYA SEKOLAH: KAJIAN DI
SEKOLAH KEBANGSAAN DI MALAYSIA**

**Mohd Faiz Mohd Yaakob*, Jamal@Nordin Yunus
& Hamidah Yusof**

Universiti Pendidikan Sultan Idris

*p20131001410@siswa.upsi.edu.my

ABSTRACT

Abstract: *This study aimed at testing the measurement model of school culture. The questionnaire used is School Cultural Elements Questionnaire (SCEQ) consisting of 42 items with six domains i) Professional value, ii) Emphasis of learning, iii) Collegiality, iv) Collaboration, v) Shared planning, vi) Transformational leaders. The study involved 579 primary school teachers from 5 zone areas of Malaysia represented by the states of Kedah, Selangor, Johor, Terengganu and Sarawak. Statistical Package for Social Science (SPSS) and Structural Equation Modelling (SEM) technique were utilized to perform the required statistical analysis of the survey data. Exploratory Factor Analysis (EFA) and Confirmatory Factor Analysis (CFA) were carried out to verify the domain used. After the EFA and CFA conducted only 4 constructs and 21 items were found to have high value validity. Construct consists of i) Transformational leaders, ii) Shared planning, iii) Emphasis of learning, and iv) Collaboration. Both of these analyses indicate the measurement model is satisfied specified measurement criteria. This research also provides ideas for future research by practitioners in this field.*

Keywords: *School Culture, Educational Management, Planning Education, Educational Policies, Transformation in Education*

PENGENALAN

Budaya sekolah pada abad ke-21 kini dinamik selaras dengan perkembangan zaman masa kini. Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyatakan budaya kecemerlangan berasaskan pimpinan rakan sekerja perlu diamalkan di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Matlamat ini secara jelas menunjukkan budaya sekolah adalah sangat penting dan perlu dibentuk dengan acuan yang betul dan tersusun agar tidak berlaku kepincangan pada masa hadapan (Kaplan, et al 2013).

Dengan mengambil kira elemen yang terdapat dalam budaya di sekolah, terdapat ramai sarjana dalam bidang pentadbiran pendidikan menggunakan Teori Budaya Organisasi sebagai diklasifikasikan sebagai budaya sekolah (Maslowski, 2006). Sehubungan itu, konsep budaya yang digambarkan dalam sekolah bermula apabila sekolah mempunyai identiti tersendiri bersama perhubungan ritual yang kompleks, sebuah set adat tersendiri (*mores*) dan kod moral (Maslowski, 2006). Dalam erti kata yang sama, budaya sekolah menjadi nilai yang paling penting dalam sistem nilai di sekolah (Hoy & Miskel, 2013).

Fungsi utama budaya sekolah adalah untuk memberikan identiti yang tersendiri kepada semua warga sekolah termasuk kakitangan sokongan. Identiti inilah yang akan membezakan antara sesebuah sekolah dengan sekolah yang lain. Identiti juga akan menimbulkan semangat kekuatan yang akan menjadikan guru untuk bekerjasama (Rusni Mohd Noor, 2005).

Jesteru itu, setelah membincangkan beberapa isu mengenai budaya sekolah, pengkaji ingin menganalisis model budaya sekolah dan seterusnya mengesahkan model pengukuran budaya sekolah kebangsaan di Malaysia.

PENYATAAN MASALAH

Budaya sekolah memberikan kesan positif kepada proses perubahan dalam pendidikan, pemeraksanaan guru, prestasi sekolah, pembangunan profesionalisme dan transformasi pendidikan di sekolah (Balkar, 2015; Kilinc, 2014; Zhu, Devos, & Li, 2011). Sebaliknya, budaya sekolah yang negatif akan memberikan kesan yang tidak baik kepada warganya sehingga diistilahkan sebagai *Toxic School* dan *Sick School* (Kaplan, Owings, William A, 2013; Lunenberg & Orstein, 2008). Oleh itu, terdapat kepentingan untuk mengkaji budaya sekolah dengan menggunakan model pengukuran yang bersesuaian.

Terdapat kepelbagaian model budaya sekolah dan kajian mengenai budaya sekolah di Malaysia yang kebanyakannya menggunakan model Cavanagh (1997). Namun kajian tersebut masih berskala kecil dan hanya mengkaji persepsi guru terhadap budaya sekolah, tinjauan, hubungannya dengan pencapaian akademik dan elemen penambahbaikan sekolah (Anisah binti Md Ali Jahn, 2008; Hadijah Abu Kassim, 2011; Haniza Mohd Yussoff, 2011; Puteh, 2007; Rusni Mohd Noor, 2005).

Jesteru itu, terdapat keperluan untuk mengkaji model pengukuran budaya sekolah di seluruh sekolah kebangsaan di Malaysia dengan skala sampel yang lebih besar menggunakan analisis SEM-AMOS.

OBJEKTIF

- (i) Menganalisis penerokaan faktor model budaya sekolah (EFA)
- (ii) Menganalisis pengesahan faktor model budaya sekolah (CFA)
- (iii) Menguji model pengukuran budaya sekolah

KAJIAN LITERATUR

Definisi Budaya Sekolah, Budaya dan Budaya Organisasi

Budaya sekolah ialah kualiti dan ciri-ciri kehidupan di sesebuah sekolah yang berhubung kait dengan norma, matlamat, hubungan sesama manusia, pengajaran, pembelajaran, kepemimpinan dan struktur organisasi. Budaya sekolah yang seimbang dan positif dapat membantu perkembangan pembelajaran generasi muda khususnya para pelajar. Budaya sekolah yang sihat dapat membantu melahirkan generasi pelajar, keluarga dan pendidik yang bekerjasama dalam menjayakan setiap visi, misi dan aspirasi sekolah (Cohen, 2007).

Sementara itu, budaya secara umum adalah tindak tanduk dan perilaku manusia yang menggambarkan nilai, adat resam dan cara hidup mereka yang merangkumi dari aspek pemikiran, sikap, kepercayaan dan tindakan kebiasaan (Mohd. Salleh Lebar, 1997).

Manakala, budaya organisasi pula ialah sesebuah organisasi yang dapat membentuk dan menyatukan semua anggota serta dapat merealisasikan semua tanggungjawab dan aktiviti bersama-sama dalam satu pasukan (Hoy & Miskel, 2013). Dalam konteks budaya sekolah, sememangnya terdapat peraturan-peraturan tertentu bagi memastikan para pelajar mendapat pencapaian yang baik dalam bidang akademik dan memastikan para pelajar sentiasa dalam keadaan yang baik (Lansberry, 2009).

Model Budaya Sekolah

Pengkaji menggunakan model Cavanagh (1997) dan empat model sampingan yang lain turut dibincangkan. Cavanagh (1997) mengaitkan sekolah sebagai sebuah komuniti pembelajaran (*Learning Community*). Cavanagh (1997) percaya bahawa model budaya sekolah beliau berjaya dibangunkan dengan menghubungkan antara enam elemen budaya iaitu kepemimpinan transformasi, perkongsian matlamat, nilai profesional, penekanan terhadap pembelajaran, kesejawatan dan kolaboratif (Cavanagh, 1997). Sementara itu, model budaya sekolah yang lain turut dibincangkan seperti di bawah:

(i) Model Budaya Sekolah Edward (1996)

Model ini adalah sampingan kepada 2 model asas yang dijadikan sandaran dalam kajian ini. Asas model ini ialah perkongsian kepercayaan (*Shared Beliefs*) iaitu bagaimana sekolah sepatutnya berfungsi dan perbuatan tingkah laku, iaitu refleksi daripada persepsi guru melalui persekitaran sekolah. Norma penting seperti kesejawatan, impian tinggi, keyakinan dan kepercayaan, penghargaan, penglibatan dalam membuat keputusan, kejujuran dan komunikasi terbuka (Edwards, 1996).

(ii) Model Budaya Sekolah Pang (1995)

Model Budaya Sekolah Pang diambil sebagai model sampingan kerana asas kepada model ini ialah tumpuan dan proses menerusi penglibatan organisasi. Pang meyakini bahawa kakitangan akan lebih produktif sekiranya mereka mendapat pemahaman yang jelas menerusi matlamat organisasi dan nilai tersebut dikongsi bersama antara satu sama lain (Pang, 1995).

(iii) Model Budaya Sekolah Staessens (1990)

Konsep kepimpinan juga selari dengan model budaya sekolah Staessens (1990) yang mengatakan domain utama budaya sekolah iaitu pemimpin sekolah. Pemimpin sekolah sebagai pembina (*bulider*) dan pembawa (*carrier*) sesuatu budaya dan matlamat sekolah dipersetujui bersama dengan hubungan yang profesional antara guru (Staessens, 1990).

(iv) Model Budaya Sekolah Tefy & Teddli (2008)

Pengkaji memilih Model ini sebagai model sampingan kerana model ini adalah percampuran budaya sekolah dan iklim sekolah. Model sekolah ini membahagikan kepada 4 dimensi utama iaitu; a) Orientasi Profesional (*Professional Orientation*) (b) Struktur Organisasi (*Organizational Structure*) (c) Kualiti Suasana Pembelajaran (*Quality of the Learning Environment*) dan (d) Fokus kepada Murid (*Student-Centered Focus*) (Tefy & Teddli, 2008).

Kajian Lampau

(i) Kajian berkaitan Budaya Sekolah di Malaysia

Kajian menggunakan Model Budaya Sekolah Cavanagh (1997) dalam kalangan guru sekolah menengah di Kuala Lumpur mendapati budaya sekolah di kawasan kajian berada pada tahap yang membanggakan. Nilai profesionalisme, kolaborasi, kepimpinan transformasi, kesejawatan dan perkongsian sentiasa menjadi amalan guru-guru. Mereka juga mempunyai rasa bangga terhadap profesion, mempunyai konsep sendiri *self-esteem*, rasa kekitaan dan kepunyaan yang tinggi. Nilai peribadi yang tinggi ini menunjukkan bahawa KPM sebenarnya mempunyai aset pendidikan yang amat berharga dan akan menjamin kelangsungan program-program yang sedang dan akan dilaksanakan (Haniza Mohd Yussoff, 2011).

Manakala, kajian Anisah (2008) yang menggunakan Model Budaya Cavanagh (1997) menunjukkan bahawa faktor efikasi guru menyumbang kepada budaya sekolah yang cemerlang. Kajian beliau yang dijalankan di Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) menunjukkan kepimpinan transformasi adalah sangat lemah (Anisah, 2008). Beliau juga mencadangkan bahawa keperluan mewujudkan kepimpinan transformasi sebagai penggerak utama kepada pembentukan budaya sekolah.

Sementara itu terdapat kajian di Perak yang mengkaji tahap budaya sekolah harian menunjukkan tahap budaya sekolah adalah di tahap yang tinggi. Skor yang paling tinggi ialah Efikasi guru. Beliau juga menyatakan bahawa guru yang berpendidikan tinggi lebih mempunyai pandangan yang tinggi berbanding guru yang berpendidikan rendah (Maimun, 2007). Perkongsian Matlamat pula diklasifikasikan sebagai sederhana dan ini menunjukkan amalan *learning community* masih di tahap sederhana.

Kajian di Negeri Sembilan pula menunjukkan faktor lokasi bukanlah merupakan faktor utama dalam membina suatu budaya sekolah yang memberangsangkan kepada peningkatan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini juga menunjukkan bahawa budaya sekolah penting kepada peningkatan akademik pelajar (Rusni Mohd Noor, 2005).

(ii) Kajian berkaitan Budaya Sekolah di Luar Negara

Kepimpinan sekolah memainkan peranan penting untuk membentuk Budaya Sekolah dan KPP dengan lebih berkesan (McLelland Crawley, 2014). Namun, menurut kajian Ruby (2010) yang menunjukkan bahawa guru sebagai pemimpin tidak rasmi di sekolah mempunyai potensi untuk mempengaruhi budaya sekolah dan usaha ini akan seterusnya mempengaruhi budaya pembelajaran berterusan untuk semua pelajar (Ruby, 2010).

Sementara itu kajian di California menunjukkan Budaya Sekolah mempunyai hubungan dengan pencapaian akademik pelajar. Budaya Sekolah juga akan memberikan kesan kepada aspek moral, produktiviti, kepuasan kerja guru, dan membangkitkan nilai positif atau negatif sepanjang

pembelajaran di sekolah. Budaya yang baik ini akan meningkatkan hubungan antara guru yang positif dan akan meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Gomez, 2010).

Kajian di Turki mengenai pemeraksanaan budaya sekolah di kalangan guru yang melibatkan 43 orang guru di daerah Gaziantep menunjukkan pemimpin sekolah perlu membina hubungan yang begitu baik dengan guru-guru untuk mencapai matlamat sekolah (Balkar, 2015).

METODOLOGI KAJIAN

Rekabentuk Kajian

Kajian ini bersifat kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan.

Populasi dan Persampelan

Kajian ini melibatkan 579 orang guru sekolah rendah di seluruh Malaysia yang dipilih menggunakan teknik persampelan kelompok untuk menentukan negeri berdasarkan zon dan rawak untuk menentukan sekolah dan guru. Saiz sampel pula ialah berdasarkan Krejcie & Morgan yang menentukan saiz sampel sekiranya melebihi 100,000 ialah 384 ke atas. (Krejcie & Morgan, 1970)

Instrumen

Instrumen kajian ialah adaptasi dan modifikasi daripada School Culture Elements Questionnaire (SCEQ) Cavanagh, 1997. Instrumen ini mengandungi bahagian A iaitu maklumat demografi dan bahagian B adalah soalan-soalan berkaitan budaya sekolah. Responden diminta untuk menjawab setiap soalan dengan menggunakan skala *likert* lima mata bermula dari skala 1 (Sangat Tidak Setuju), hingga 5 (Sangat Setuju). Instrumen ini terdiri daripada 43 item yang diklasifikasikan kepada 6 domain utama. 6 domain utama diukur menggunakan sebanyak 7 item adalah mengukur nilai profesional, penekanan pembelajaran, kesejawatan, kolaborasi, berkongsi perancangan dan kepimpinan.

Kesahan dan Kebolehpercayaan

Nilai kesahan dan kebolehpercayaan keseluruhan kajian diukur nilai *Cronbach Alpha*, *Convergent Validity*, *Composite Reliability*. Untuk mengenal pasti kesahan menumpu (*Convergent Validity*) budaya sekolah, pengkaji perlu memastikan nilai komposit (*Composite reliability*) berada melebihi 0.6 dan seterusnya kesemua nilai AVE (*Average of Variance Extracted*) perlu melepasi 0.05 bagi menunjukkan kesahan menumpu (*Convergent Validity*) untuk konstruk tersebut tercapai (Hair et al, 1998; Nunnally, 1978). Jadual 1 menerangkan nilai AVE dan CR bagi pemboleh ubah Budaya Sekolah.

Jadual 1 : Nilai *Factor Loading*, *Average Variance Extracted (AVE)*, *Composite Reliability (CR)* dan *Cronbach Alpha (CA)*.

Faktor	Item	Factor Loading	AVE (>0.5)	CR (> 0.6)	CA (>0.7)
Kepimpinan	Bf1	0.726	0.638	0.924	0.888
	Bf2	0.826			
	Bf3	0.795			
	Bf4	0.819			
	Bf5	0.779			
BerkongsiPerancangan	Be1	0.776	0.658	0.932	0.924
	Be2	0.83			
	Be3	0.826			
	Be4	0.807			
	Be5	0.806			
	Be6	0.822			
	Be7	0.725			
PenekananPembelajaran	Bb2	0.773	0.590	0.812	0.811
	Bb4	0.794			
	Bb7	0.737			
Kolaborasi	Bd4	0.887	0.666	0.888	0.885
	Bd5	0.875			
	Bd6	0.788			
	Bd7	0.7			

AVE= *Average Variance Extracted*, *CR*=*Composite Reliability*, *CA*=*Cronbach Alpha*

Keseluruhan instrumen ini mencapai nilai kesahan dan kebolehpercayaan kerana nilai *Cronbach Alpha* berada di antara 0.811-0.924. Dan nilai *AVE* melebihi 0.5, manakala nilai *CR* melebihi 0.6. Oleh itu, keseluruhan item kajian ini berada dalam lingkungan kesahan dan kebolehpercayaan yang baik.

Prosedur Pengumpulan Data

a) Kelompok (*cluster*) negeri kepada zon

Pada peringkat permulaan, pengkaji mengumpulkan 14 buah negeri ke dalam 5 kelompok mengikut zon geografi Malaysia. Ini kerana kajian melibatkan saiz populasi yang besar dan luas (Chua, 2012; John W Creswell, 2014; Saunders, Lewis, & Thornhill, 2009). Pengkaji menyenaraikan kesemua negeri yang berada di Malaysia dan selepas itu, setiap negeri tersebut dikelompok ke dalam zon utara, tengah, timur, selatan dan borneo.

b) Rawak mudah daripada satu negeri mewakili zon

Pada peringkat ini, pengkaji memilih secara rawak mudah dengan mencabut undi 1 negeri bagi mewakili 1 zon. Zon utara adalah Kedah, zon tengah adalah Selangor, zon selatan adalah Johor, zon timur adalah Terengganu dan zon borneo adalah Sarawak.

c) Persampelan Sistemik

Keseluruhan guru yang mewakili zon tersebut adalah sebanyak 101016 orang dan saiz sampel yang sepatutnya ialah sebanyak 384 (Krejcie & Morgan, 1970). Selepas mendapatkan jumlah keseluruhan bilangan sampel dari setiap negeri tersebut, maka pengkaji menggunakan *Probability Proportional to Saiz (PPS)* untuk memilih bilangan sampel secara sistematik (Cochran, 1977).

d) Persampelan Sistematis

Pengkaji menyenaraikan senarai nama sekolah berdasarkan kod sekolah dan bilangan nombor, dan selepas itu memilih secara undian no ke 5 dan setiap sekolah yang ke 5, 10, 15, 20, 25 dan seterusnya dipilih sebagai sekolah kajian (Chua, 2012).

Kaedah Pengumpulan data

Pengkaji menggunakan kaedah pos dan pergi ke sekolah kajian. *Response rates* ialah sebanyak 50%. Setelah mendapati terdapat negeri yang masih lagi tidak mencukupi jumlah sampel, pengkaji telah pergi ke sekolah negeri tersebut dan mengedarkan soal selidik.

Analisis Data

Data yang diperolehi daripada soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 20. Penggunaan nilai min adalah kaedah yang digunakan secara meluas untuk menggambarkan respons semua peserta kajian terhadap item dalam sesuatu instrumen (Cresswell, 2008). Data juga dianalisis menggunakan AMOS versi 21. AMOS adalah perisian yang boleh digunakan untuk mengesahkan model yang dicadangkan oleh pengkaji.

DAPATAN KAJIAN

Dalam bahagian ini, pengkaji membincangkan profil responden dan menjawab kepada objektif kajian iaitu:

- (i) Menganalisis penerokaan faktor model budaya sekolah (EFA)
- (ii) Menganalisis pengesahan faktor model budaya sekolah (CFA)
- (iii) Pengujian model pengukuran budaya sekolah

Profil Responden

Jadual 2 : *Bilangan sampel mengikut zon dan negeri.*

Zon	Negeri	Bilangan Sampel
Utara	Kedah	90
Tengah	Selangor	155
Timur	Terengganu	98
Selatan	Johor	114
Borneo	Sarawak	122
Jumlah		579

Profil keseluruhan responden melibatkan guru lelaki seramai 24.2% dan guru perempuan seramai 75.8%. Dari segi kelayakan akademik, seramai 25% guru yang memiliki sijil/diploma, 68% guru yang memiliki ijazah sarjana muda, 7% guru yang memiliki ijazah sarjana. Dari segi pengalaman pula, seramai 6.4% guru berpengalaman mengajar di antara 1 ke 3 tahun, 18% berpengalaman di antara 4 ke 8 tahun, dan 75.6% berpengalaman 8 tahun ke atas. Dari segi aspek umur pula, seramai 15.2% guru

berumur di antara 21 ke 31 tahun, 38.5 % guru berumur di antara 31 ke 40 tahun, 34.4% guru berumur 41 ke 50 tahun dan 11.9% guru berumur 51 tahun ke atas.

Jadual 3: *Profil responden*

	Kategori	Bilangan Responden	Peratus %
Jantina	Lelaki	140	24.2 %
	Perempuan	439	75.8 %
	Jumlah	579	100 %
Kelayakan akademik	Sijil/Diploma	140	25 %
	Ijazah Sarjana Muda	394	68 %
	Ijazah Sarjana	46	7 %
	Jumlah	579	100
Pengalaman	1 ke 3 tahun	37	18 %
	4 ke 8 tahun	104	34.4 %
	8 tahun ke atas	438	11.9 %
Jumlah		579	100 %

Menganalisis penerokaan faktor model budaya sekolah (EFA)

Analisis penerokaan faktor berlaku sebelum proses analisis pengesahan faktor dalam instrumen yang digunakan bertujuan mengecilkan perbezaan varian dan mengenal pasti bilangan item yang diperlukan oleh setiap faktor pemboleh ubah.

Pengukuran *Kaiser Meyer- Olkin* terhadap Persampelan *Adequacy* (KMO) menyatakan nilai yang diperlukan ialah sehingga 0.77, dan ia adalah baik. Manakala kolerasi antara item hendaklah melebihi .3 (Comrey, 1973; Nunnally, 1978).

Nilai yang signifikan terhadap ujian Bartlett ($p = .000$) pula membuktikan bahawa item-item telah difaktorkan. Keputusan awal EFA menggunakan *varimax orthogonal rotation* membuktikan 2 konstruk tersebut perlu digugurkan kerana item mempunyai nilai anti image correlation matrix <0.5 , seperti yang dicadangkan oleh Hair et al. (1998) dan Sekaran (2003). Manakala 4 konstruk yang mengandungi 21 item boleh digunakan dalam budaya sekolah.

Jadual 4: *Nilai KMO dan Bartlett Test*

KMO and Bartlett's Test		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.		.869
	Approx. Chi-Square	4007.219
Bartlett's Test of Sphericity	df	861
	Sig.	.000


Jadual 5: Keputusan EFA bagi pengukuran model budaya sekolah.

No	Item	(Factor Loading)
<u>Kepimpinan Transformasi</u>		
Bf1	Pemimpin sekolah berupaya mempengaruhi staf.	0.726
Bf2	Pemimpin sekolah menyokong aktiviti sekolah.	0.826
Bf3	Pemimpin sekolah menggalakkan pembangunan profesionalism staf.	0.795
Bf4	Pemimpin sekolah memberikan layanan adil kepada setiap staf.	0.819
Bf5	Pemimpin sekolah menyediakan waktu yang mencukupi kepada guru untuk menyelesaikan tugas.	0.779
<u>Berkongsi Perancangan</u>		
Be1	Sekolah mempunyai hala tuju yang jelas.	0.776
Be2	Guru berkongsi visi sekolah.	0.83
Be3	Guru berusaha membangunkan sekolah.	0.826
Be4	Guru menjadikan sekolah cemerlang sebagai penanda aras.	0.807
Be5	Kami dapat mengenal pasti cara kejayaan sekolah dapat dicapai.	0.806
Be6	Guru berkolaboratif membangunkan pencapaian sekolah.	0.822
Be7	Guru melaksanakan tugas berdasarkan keperluan sekolah.	0.725
<u>Penekanan Pembelajaran</u>		
Bb2	Saya merefleksi diri mengenai kerjaya.	0.773
Bb4	Saya berkolaboratif dalam pembelajaran.	0.794
Bb7	Saya berterusan mengenal pasti kaedah terbaik P&P.	0.737
<u>Kolaborasi</u>		
Bd4	Saya berbincang mengenai aktiviti penambahbaikan P&	0.887
Bd5	Saya berbincang mengenai kaedah terbaik P&P.	0.875
Bd6	Saya berbincang mengenai penilaian murid.	0.788
Bd7	Perbualan saya dengan rakan sejawat mengenai pencapaian murid.	0.7

Menganalisis pengesahan faktor model budaya sekolah (CFA)

Analisis pengesahan faktor dijalankan untuk mengesahkan pengukuran yang telah dilakukan. Faktor-faktor tersebut terdiri daripada 4 faktor iaitu kepimpinan, berkongsi perancangan, penekanan pembelajaran dan kolaborasi. Pengkaji menggunakan kaedah (*1st Order Confirmatory*) dan (*2nd Order Confirmatory*) untuk menganalisis pengesahan faktor model budaya sekolah (Zainudin, 2012).

Rajah 1: Analisis Pengesahan Faktor *1st Order*. (*1st Order Confirmatory Factor Analysis*)




Rajah 1 : Pengukuran model budaya sekolah, K ialah kepimpinan tranformasi, BP ialah berkongsi perancangan, PP ialah penekanan pembelajaran dan Kb ialah kolaborasi.

Dalam SEM, terdapat beberapa *Fitness Indexes* yang menggambarkan kesesuaian model yang diperolehi daripada data. Hair, et al, (2010) mencadangkan penggunaan sekurang-kurangnya satu *fitness indexes* daripada setiap model. Antara indeks yang dipilih dalam kajian ialah ujian *Root Mean Square of Error Approximation* (RMSEA), *Comparative Fit Index* (CFI), *Tucker Lewis Index* (TLI), dan *Normed Fit Index* (NFI). Nilai yang baik bagi CFI, TLI, GFI dan NFI adalah melebihi 0.90 dan nilai RMSEA ialah kurang daripada 0.08. (Hair, 2010). Rajah 2 pula menunjukkan model pengukuran akhir terhadap model pengukuran budaya sekolah. Setiap item pada konstruk budaya sekolah menunjukkan nilai faktor loading yang sepadan dengan nilai kesepadanan model (*Model Fit Index*).

Pengujian model pengukuran budaya

Rajah 2 : Model pengukuran budaya sekolah 2nd Order. (2nd Order Confirmatory Factor Analysis)



Setelah menganalisis kedua-dua CFA ini, maka model pengukuran budaya sekolah dapat diuji dengan data statistik. Keseluruhannya, model budaya sekolah ini dapat dibangunkan.

Nilai Kesepadanan Model

Nilai kesepadanan model menunjukkan kesemua indeks yang dicadangkan telah dicapai. Justeru, model pengukuran budaya sekolah dapat dibangunkan.

Jadual 5 : Kesepadanan model

Model Index	Nilai yang disarankan	Penemuan model cadangan
RMSEA	RMSEA < 0.08	0.07
CFI, TLI, NFI	CFI, TLI, NFI > 0.9	0.938
Chisq/df	Chisq/df < 5.0	3.861

Sumber: Zainuddin, (2012).

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis model pengukuran budaya sekolah dengan menggunakan kedua-dua faktor analisis penerokaan dan pengesahan dalam konteks Malaysia. Keputusan kajian melalui proses EFA dan CFA menunjukkan bahawa hanya 4 konstruk yang mempunyai nilai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi. Antara konstruk tersebut ialah (a) Kepimpinan

Transformasi (K), (b) Berkongsi Perancangan (BP), (c) Kolaborasi (Kb), serta (PP) Penekanan Pembelajaran.

Keputusan kajian menunjukkan terdapat empat faktor yang menyumbang kepada budaya sekolah. Dua faktor yang digugurkan pula ialah faktor kesejawatan dan nilai profesional kerana tidak sepadan (*fit*) dengan nilai kesepadanan model. Dapatan kajian ini dapat menyumbang maklumat kepada KPM serta organisasi yang bernaung di bawahnya untuk digunakan pada semua peringkat perancangan dan pelaksanaan agenda pendidikan negara.

Kajian mengenai faktor ini penting bagi menjelaskan di manakah kekuatan dan kelemahan yang perlu diambil perhatian oleh pihak-pihak berwajib. Ini akan memudahkan pihak yang berkaitan mengambil langkah penambahbaikan sekiranya berlaku kelemahan dan sekiranya terdapat kekuatan, langkah-langkah promosi boleh dilakukan bagi diperkembangkan dan di perkasakan.

Dalam kajian ini, faktor Kepimpinan Transformasi membentuk model pengukuran budaya sekolah selari dengan kajian model Cavanagh (1997) dan Staessens (1990). Faktor berkongsi perancangan pula selari dengan kajian model Cavanagh (1997), Edward (1996) dan Pang (1995). Faktor penekanan pembelajaran pula selari dengan kajian model budaya sekolah Cavanagh (1997) dan Tefy & Teddli (2008). Dan faktor penekanan pembelajaran pula adalah selari dengan kajian model budaya sekolah Cavanagh (1997) dan Pang (1995).

Secara kesimpulannya, kajian ini dilakukan adalah untuk mengisi jurang (*gap*) dalam penyelidikan. Ternyata faktor Kepimpinan Transformasi, Berkongsi Perancangan, Kolaborasi, serta Penekanan Pembelajaran merupakan faktor utama dalam budaya sekolah. Sebuah model budaya sekolah yang baharu berjaya dibangunkan melalui analisis model pengukuran. Semoga dengan memahami faktor-faktor Budaya Sekolah akan membantu dalam menjayakan agenda wawasan negara dan dasar pendidikan negara.

RUJUKAN

- Anisah binti Md Ali Jahn. (2008). *Budaya Sekolah Cemerlang di Sebuah Sekolah Kluster*. Universiti Malaya.
- Balkar, B. (2015). Defining an empowering school culture (ESC): Teacher perceptions. *Issues in Educational Research*, 25(3), 205–224.
- Cavanagh, R. . (1997). *The culture and improvement of Western Australian Secondary Schools*. Curtin University.
- Chua, Y. . (2012). *Mastering research methods*. Selangor, Malaysia: McGraw Hill Education.
- Cochran, W. . (1977). *Sampling techniques*. New York: John Wiley.
- Cohen, J. (2007). Evaluating and improving school climate. *Independent School*, 67(1), 18–26.
- Comrey, A. L. (1973). *A first course in factor analysis*. New York: Academic Press.
- Edwards, J.L., Green, K.E., & Lyons, C. . (1996). *Factor and Rasch Analysis of the School Culture Survey*. New York.
- Gomez, M. O. (2010). *School Culture and Performance at Different Middle Level Structures*. University of California Riverside.
- Hadijah Abu Kassim. (2011). *persepsi guru terhadap budaya sekolah*. Universiti Putra Malaysia. Retrieved from <http://eprints.utm.my/10394/1/>
- Hair, J.F, Anderson, R.E., Tatham, R.L., & Black, W. . (1998). *Multivariate data analysis*. (5th Edition, Ed.) (Upper Sadd). Prentice Hall.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (1998). Multivariate Data Analysis. *International Journal of Pharmaceutics*. <http://doi.org/10.1016/j.ijpharm.2011.02.019>
- Haniza Mohd Yusoff. (2011). *Budaya organisasi sekolah menengah harian: satu tinjauan di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Hoy, W.K., & Miskel, C. . (2013). *Educational administration : Theory, research and practice* (9th editio). Boston: MacGraw Hill International Edition.
- John, W. C. (2008). *Research Design Qualitative, Quantitative, and mixed methods approaches*.
- Kaplan, Owings, William A, L. S. (2013). School Culture and Change as Learning. *Culture Re-Boot: School Culture and Change as Learning*, 27.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kilinc, A. C. (2014). School Teachers ' Pupil Control Ideologies as a Predictor of Teacher Professionalism, 18(2), 565–574. <http://doi.org/10.15390/EB.2014.2756>
- Krejcie, R. V, & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities Robert. *Educational and Psychological Measurement*, 38(1), 607–610. <http://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lansberry, L. . (2009). *A study of relationship between school climate and adequate yearly progress*. Indiana University of Pennsylvania.

- Lunenberg, F.C., & Orstein, A. . (2008). *Educational administration: Concepts and practices*. (T. Wadsworth, Ed.) (5th editio). Australia.
- Maslowski, & R. (2006). *A review of inventories for diagnosing school culture*. *Journal of Educational Administration* (Vol. 44). <http://doi.org/10.1108/09578230610642638>
- McLelland Crawley, R. (2014). *Program Evaluation of a High School Science Professional Learning Community*. Walden University.
- Mohd. Salleh Lebar. (1997). *Sosiologi sekolah dan pendidikan*. Selangor, Malaysia: Thinker's Library.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory* (2nd ed.). New York: MacGraw Hill.
- Pang, N. S. . (1995). The development of the school values inventory. *Research and Practice in Educational Administration*, 160–86.
- Puteh, M. B. (2007). *Budaya Penambahbaikan Sekolah: Kajian di sebuah sekolah menengah di Perak*. Universiti Malaya.
- Ruby, D. . (2010). Teachers leaders impacting school culture. *Education*, 131(4), 782–790.
- Rusni Mohd Noor. (2005). *Perkaitan antara budaya sekolah dengan pencapaian akademik pelakar di Negeri Sembilan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Staessens, K. (1990). *Professional culture of innovating primary schools: empirical research in V.L.O.-schools*. Katholieke Universiteit Leuven, Leuven.
- Tefy, L., & Teddlie, C. (2008). A new model of school culture : a response to a call for conceptual clarity 1, *19*(2), 129–153. <http://doi.org/10.1080/09243450802095278>
- Zainudin, A. (2012). *Structural equation modeling using AMOS graphic*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA Publication Centre (UPENA).
- Zhu, C., Devos, G., & Li, Y. (2011). Teacher perceptions of school culture and their organizational commitment and well-being in a Chinese school. *Asia Pacific Education Review*, 12(2), 319–328. <http://doi.org/10.1007/s12564-011-9146-0>